

17 pelajar sertai UMP Star 11

UM (Helo Kampus) Rabu 2/3/11 ms 26

KUANTAN 1 Mac – Penuntut yang menyertai program Teknologi, Akademik dan Penyelidikan di Shanghai, China bermula 3 hingga 11 Mac ini diharap memanfaatkan peluang diberikan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menguasai ilmu tersebut.

Program yang dikenali sebagai UMP Star 11 merupakan sebahagian daripada program mobiliti penuntut bagi mencapai hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam menyediakan graduan berkemahiran tinggi untuk pasaran kerja tempatan.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pendedahan di peringkat antarabangsa itu memberi peluang kepada penuntut memahami budaya dan meningkatkan keyakinan diri bersaing di peringkat global.

“Dengan peluang diberikan,

mereka boleh memperkaya pengetahuan dan pengalaman apabila menjalani latihan industri kelak.

“Mereka perlu mengambil kesempatan sempena lawatan industri itu dan mengadakan perbincangan dengan universiti yang dilawati di sana,” katanya.

Beliau berkata demikian, ketika merasmikan Ekspo Intelektual dan program UMP Star 11 anjuran Exco Pembangunan Akademik dan Intelektual, Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Jabatan

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad), di sini baru-baru ini.

Selain ekspo, turut diadakan ceramah motivasi dan kecemerlangan yang disampaikan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Munira Abdul Razak kepada seramai 160 pelajar sekolah di daerah ini yang bakal menghadapi peperiksaan penting tahun ini.



DAING NASIR

Pengunjung juga berpeluang melawat pameran buku, gajet komputer dan jualan produk makanan sepanjang dua hari program berlangsung.

Dalam pada itu, seorang penuntut UMP, Tay Chze Huat yang merupakan peserta program UMP Star 11 berharap program itu nanti berjalan lancar mengikut jadual.

Menurutnya, mereka dijangka mengadakan perbincangan dengan pihak industri automotif di negara itu bagi meninjau peluang penempatan latihan industri dan bekerja di sana.

“Kami dijangka mengadakan sesi berkongsi idea dan kepakaran di kalangan penuntut dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar Universiti Shanghai dan melawat makmal perisian komputer di Universiti Fudan.

“Secara tidak langsung, hubungan itu dapat memperkenalkan nama Malaysia ke persada dunia dan mempromosikan nama universiti ini di luar negara,” katanya.